

→ SIHAT

# Bakteria punca gigi goyang

➔ Rawat segera, elak kuman terus membiak jejas sokongan gigi



### Info

- ➔ Penyakit periodontium (gusi) kesan plak bakteria adalah penyebab biasa berlakunya kegoyahan gigi.
- ➔ Terdapat kaitan penyakit gusi dengan penyakit sistemik seperti kardiovaskular dan diabetes.

### Rawatan

- ➔ Dalam kes tertentu apabila penyakit gusi dikawal, kedudukan gigi tadi boleh distabilkan dengan menampung gigi bersebelahan yang lebih teguh.
- ➔ Proses menstabilkannya menggunakan bahan pelekat di bahagian belakang permukaan gigi menerusi kaedah 'splinting'.

**MEBO**  
SkaReduz

Jangan biarkan PARUT menjejaskan penampilan anda



Memulihkan Keserian dan Kelembutan Kulit

Sesuai untuk:

- Parut jerawat
- Parut hipertropik
- Parut pembedahan
- Parut post-traumatik



Diedar oleh: Trinlaire Sdn Bhd (786775-W)  
Tel: +603-7727 7999

Oleh **Nor Hatina Shuib**  
hatina@bh.com.my



Walaupun bakteria sebagai punca penyakit gusi, namun kajian lain mengesahkan penyakit seperti diabetes, tabiat merokok dan genetik antara risiko mengubah sifat radang gusi menjadi parah sehingga hilangnya tisu pada penyokong gigi”

**Dr Badiah Baharin,**  
Pensyarah kanan  
Periodontologi, Pusat  
Pergigian Restoratif  
Fakulti Pergigian, UKM

Jangan ambil mudah jika satu atau lebih daripada 32 batang gigi anda mula bergoyang. Ini dilihat sebagai tanda awal struktur penyokong mengalami kesan gangguan dan tidak sihat.

Pensyarah kanan Periodontologi, Pusat Pergigian Restoratif Fakulti Pergigian, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Badiah Baharin, berkata masalah yang sering berlaku membabitkan gangguan tisu pada penyokong gigi.

Beliau berkata, ini disebabkan serangan bakteria kesan pengumpulan plak hingga menjejaskan kesihatan gusi. Plak adalah lapisan lembut melekat kepada permukaan gigi terdiri daripada pelbagai koloni bakteria.

Plak yang tidak dibersihkan pula, katanya akan terkumpul dan boleh menjadi keras hingga membentuk karang gigi.

Sekiranya keadaan itu tidak dikawal, Dr Badiah berkata, kesannya menyebabkan ligamen dan tulang rahang yang mengelilingi gigi menghilang, maka kesannya, gigi bergoyang. “Keadaan lebih buruk apabila kesan goyang tadi tidak dirawat, individu berhadapan risiko kehilangan gigi secara kekal.

“Plak bakteria di sekitar gusi yang tidak dibuang dengan sempurna mencetuskan tindak balas radang dan imunologi oleh

Gusi sihat



Gusi tidak sihat



tisu. Rembesan bahan kimia dan enzim daripada proses ini memusnahkan tisu penyokong dan tulang rahang.

“Walaupun bakteria sebagai punca penyakit gusi, namun kajian lain mengesahkan penyakit seperti diabetes, tabiat merokok dan genetik antara risiko mengubah sifat radang gusi menjadi parah sehingga hilangnya tisu pada penyokong gigi,” katanya.

### Rawatan pembersihan plak

Dr Badiah yang juga Presiden Persatuan Periodontologi Malaysia, berkata tisu penyokong gigi yang musnah disebabkan penyakit gusi tidak dapat dikembalikan seratus peratus.

Bagi menangani keadaan itu, beliau menyarankan rawatan pembersihan plak dan karang pada permukaan akar gigi pesakit secara menyeluruh.

Prosedurnya boleh dilakukan dengan membuang atau mengikis secara manual atau menerusi kaedah ultrasonik.

Rawatan surgery juga disarankan bertujuan membersihkan kawasan akar yang sukar atau kaedah penghasilan semula (regenerasi) tisu penyokong gigi lebih bersesuaian.

Proses regenerasi membabitkan penggantian tisu penyokong yang hilang dengan penggunaan graf tisu keras dan membran. Rawatan lain termasuk penggunaan bahan bio aktif dan ekstrak protein diletakkan di kawasan tisu. Ini bertujuan menyokong gigi bagi merangsang sel stem menghasilkan tisu gusi baharu.

Punca lain kegoyahan gigi selain bakteria adalah apabila tisu penyokong gigi mengalami tekanan melampau akibat gigitan traumatik.